

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

TARIKH : 23 MAC 2017

RUJUKAN : 9664

SOALAN:

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memerangi gejala judi yang makin berleluasa di negara ini sebagaimana yang pernah dijanjikan oleh pihak Kerajaan sendiri

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memberi perhatian yang khusus berkaitan aktiviti perjudian haram dengan membuat pemantauan dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan di seluruh negara. Pihak polis telah melancarkan operasi khas pada Oktober 2014 di seluruh negara dan diteruskan sehingga kini bagi membanteras kegiatan perjudian yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket-sindiket perjudian.

Statistik serbuan dan tangkapan mengikut kategori perjudian bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

STATISTIK LOTERI AWAM BAGI TAHUN 2016

KONTINJEN	JUMLAH SERBUAN	TANGKAPAN
	2016	2016
K. LUMPUR	44	58
SELANGOR	480	492
JOHOR	1556	5840
P. PINANG	1374	1428
SABAH	267	314
PERAK	592	628
SARAWAK	562	719
PAHANG	266	271
KEDAH	1268	1318
N/SEMBILAN	283	142
MELAKA	159	161
PERLIS	179	200
T/GANU	27	27
KELANTAN	46	49
JUMLAH	7103	11647

STATISTIK JUDI TEMPAT BEBAS BAGI TAHUN 2016

KONTINJEN	SERBUAN	TANGKAPAN
	2016	2016
K. LUMPUR	14	87
SELANGOR	67	171
JOHOR	51	360
P. PINANG	22	220
SABAH	77	168
PERAK	30	298
SARAWAK	55	400
PAHANG	16	67
KEDAH	19	132
N/SEMBILAN	15	71
MELAKA	10	55
PERLIS	4	20
T/GANU	12	20
KELANTAN	12	59
JUMLAH	404	2128

STATISTIK JUDI DALAM BANGUNAN BAGI TAHUN 2016

KONTINJEN	SERBUAN	TANGKAPAN
	2016	2016
K. LUMPUR	12	130
SELANGOR	22	269
JOHOR	38	438
P. PINANG	12	124
SABAH	61	184
PERAK	18	174
SARAWAK	10	85
PAHANG	26	207
KEDAH	12	149
N/SEMBILAN	7	64
MELAKA	13	102
PERLIS	4	36
T/GANU	4	30
KELANTAN	5	33
JUMLAH	244	2025

STATISTIK PERJUDIAN CATIT TARUH (EKOR HARAM) BAGI TAHUN 2016

KONTINJEN	SERBUAN	TANGKAPAN
	2016	2016
K. LUMPUR	31	67
SELANGOR	30	46
JOHOR	131	232
P. PINANG	69	90
SABAH	0	0
PERAK	171	258
SARAWAK	8	10
PAHANG	9	10
KEDAH	12	16
N/SEMBOLIN	7	15
MELAKA	4	5
PERLIS	2	2
T/GANU	1	1
KELANTAN	1	1
JUMLAH	476	753

STATISTIK MESIN JUDI KOMPUTER BAGI TAHUN 2016

KONTINJEN	JUMLAH SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN
	2016	2016	2016
K. LUMPUR	1647	3851	22881
SELANGOR	4874	5962	61281
JOHOR	1480	5840	16357
P. PINANG	140	234	703
SABAH	77	282	974
PERAK	201	609	939
SARAWAK	135	608	1138
PAHANG	118	449	638
KEDAH	287	696	741
N/SEMBOLIN	376	546	2671
MELAKA	132	292	2512
PERLIS	0	0	0
T/GANU	4	13	9
KELANTAN	4	24	22
JUMLAH	9475	19406	110866

Selain tindakan penguatkuasaan, PDRM juga mengambil tindakan alternatif di bawah undang-undang pencegahan iaitu di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) sekiranya tiada keterangan yang kukuh untuk tuduhan di Mahkamah terhadap individu atau sindiket yang menganjurkan aktiviti perjudian haram. Di antara tahun 2014 sehingga 2016, seramai 110 orang individu telah dikenakan tindakan di bawah akta berkenaan.

Sebagai langkah tambahan bagi mengekang kegiatan perjudian ini sehingga ke akar umbi, Kementerian melalui PDRM juga telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- (i) Nota Makluman berhubung isu aktiviti perjudian haram telah dibentangkan pada Oktober 2014 dan Mac 2015 dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Bil. 122 dan Bil. 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepadu melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PDRM dan agensi-agensi Kerajaan yang lain;**
- (ii) melatih lebih ramai penganalisis pakar-pakar judi untuk memudahkan mereka mengenal pasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti itu sebagai mempunyai elemen perjudian. Di samping itu, usaha ini akan memudahkan proses mengemukakan keterangan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah;**

- (iii) meneruskan dan memperhebatkan lagi kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran tentang kesan aktiviti perjudian yang telah diadakan sebelum ini dengan menyasarkan golongan remaja di peringkat persekolahan. Program ini melibatkan pihak PBT, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan serta NGO's dan syarikat swasta;
 - (iv) bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menukuhkan unit pemantau di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) yang bertujuan memastikan gejala judi haram dapat diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan aktiviti perjudian haram; dan
-
- iv) PDRM telah mengkaji dan membuat beberapa cadangan pindaan terhadap Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289). Usaha untuk meminda Akta ini telah dibincangkan dengan pihak PEMANDU pada bulan Ogos 2014. Pada Julai 2015, atas inisiatif Jabatan Peguam Negara, satu perbincangan telah diadakan dengan pengusaha judi berlesen dari seluruh negara, Bank Negara Malaysia, PDRM dan Kementerian Kewangan. PDRM telah mengenal pasti provisi-provisi yang perlu

dipinda dalam menangani gejala perjudian secara atas talian dengan lebih berkesan.

PDRM sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun demikian, usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa kerjasama daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada PDRM. Di samping itu juga, orang ramai perlu menghindarkan diri daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat ini.